

KURSUS PENINGKATAN KERJAYA TRED CHEF TENTERA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3372-kursus-peningkatan-kerjaya-tred-chef-tentera

SELANGOR, 21 Apr 18 - Markas Tentera Udara, Cawangan Perkhidmatan Sel Hospitaliti telah menganjurkan Kursus Peningkatan Kerjaya Tred Chef Tentera iaitu Kursus Ice Carving melalui Program Usahasama bersama Kolej Komuniti Selayang.

Kursus ini berlangsung selama satu hari dan dihadiri seramai 8 orang PTTK dan 2 orang PTTR Chef Tentera dari Unit-Unit TUDM seluruh Malaysia.

Matlamat Utama penganjuran kursus ini adalah memberi pendedahan kepada anggota Chef Tentera dalam bidang Seni Kulinari (Ice Carving) disamping melahirkan anggota Chef Tentera ke arah lebih profesional melalui cetusan idea YBhg AKS Tadbir.

Hadir sama menyaksikan kursus adalah PW Hospitaliti dan Staf Sel Hospitaliti selaku sekretariat penganjuran kursus.



